

06/03/2001

Malaysia teruskan dasar kerjasama majukan sempadan

BUKIT KAYU HITAM, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus mengamalkan dasar kerjasama membangunkan kawasan sempadan dengan jirannya untuk faedah kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, dasar berkenaan akan terus dilaksanakan dengan Thailand, Indonesia dan Singapura serta negara Asean lain kerana ia memberi faedah kepada rakyat kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Malaysia akan terus mengenal pasti kawasan yang bersempadan terutama di kalangan negara Asean untuk menjalin kerjasama sempadan.

Negara pada masa ini menjalin kerjasama bagi membangunkan kawasan sempadannya dalam pakatan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT).

Perdana Menteri berkata usaha seumpama itu akan diperhebatkan untuk menjalin kerjasama sempadan dengan Brunei, Filipina dan Singapura.

"Kita perlu bekerjasama di antara satu sama lain bagi membolehkan kita membangun bersama-sama.

"Konsep yang kita amalkan ialah kerjasama merentas sempadan negara," katanya ketika melancarkan projek Kota Perdana-Asean Metropolis Abad 21, di sini hari ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Projek membabitkan kawasan 3,515 hektar di sempadan Malaysia-Thailand itu dimajukan syarikat Northern Gateway Sdn Bhd, iaitu syarikat usaha sama Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) yang memegang 30 peratus saham dan Benua Bayu Sdn Bhd, 70 peratus.

Jumlah pelaburan membangunkan kawasan berkenaan ialah kira-kira RM3 bilion. Kira-kira 1,200 hektar daripada kawasan itu dikhaskan untuk zon perdagangan bebas membabitkan kegiatan perniagaan, teknologi media dan komunikasi, perindustrian dan kargo.

Perdana Menteri berkata projek Kota Perdana bakal menjadi model kepada kerjasama di kalangan Malaysia dan negara Asean.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mempelawa peniaga Thailand untuk turut serta dalam pembangunan Kota Perdana bagi faedah rakyat kedua-dua negara.

Menurutnya, Malaysia bukan saja mahu membangunkan kawasan sempadan seperti Kota Perdana sebagai sebuah bandar, malah turut menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat kedua-dua negara.

Beliau berharap Kota Perdana akan menjadi model pembangunan bersama kawasan sempadan di antara Malaysia dan seluruh negara Asean pada masa depan.

Dr Mahathir turut membidas sesetengah pihak yang sering melabelkan projek mega yang dilaksanakan kerajaan sebagai membazir dan tidak berfaedah kepada rakyat.

Menurutnya, kerajaan merancang projek berkenaan dengan tersusun, tertib dan cekap bagi memastikan faedah maksimum kepada rakyat.

Mengambil contoh pembangunan bandar Petaling Jaya dan Shah Alam, beliau berkata projek berkenaan kini terbukti memberi faedah kepada rakyat terutama peniaga.

"(Kini) tidak ada siapa yang kata itu (Petaling Jaya dan Shah Alam) projek mega ... sebenarnya projek itu berjaya," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan tidak pernah berniat untuk berbangga dengan pelaksanaan projek besar, sebaliknya dilakukan untuk pembangunan ekonomi

negara dan dalam lingkungan kemampuan negara.

"Biasanya apabila kemudahan infrastruktur disediakan ia akan diikuti dengan pembangunan. Sama seperti Lebuhraya Utara-Selatan, apabila dibuka, banyak pembangunan di kiri kanannya," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan kerajaan akan terus memberi sokongan kepada sektor swasta yang banyak membantu membangunkan ekonomi rakyat dan negara.

Menurutnya, pembangunan dan kepesatan negara antara lain berpunca daripada sumbangan sektor swasta yang bukan saja memberi faedah kepada rakyat menerusi peluang pekerjaan, malah cukai kepada negara.

(END)